

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 DECEMBER 2016

DAKWAAN BR1M RASUAH PENGUNDI

Dr M diminta henti tindakan cetuskan kemarahan rakyat

BH-28/12/2016



Saya nasihatkan berhentilah mencari jalan menjatuhkan orang dengan membuat tuduhan yang bukan-bukan, lebih baik beramal di hujung hayat yang masih ada"

Harussani Zakaria, Mufti Perak

➔ Mufti Perak anggap Pengerusi PPBM kecewa gagal raih sokongan ramai

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

▪ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad tidak berhak menghukum atau mengeluarkan fatwa mengenai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kerana Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu bukan ulama.

Mufti Perak, Tan Sri Dr Harussani Zakaria, berkata Dr Mahathir juga mungkin tidak memahaminya pada program kebajikan yang memberi manfaat kepada rakyat tanpa mengira bangsa, fahaman dan ideologi politik.

Sambil menyifatkan bekas Perdana Menteri itu sebagai orang kecewa dan putus asa kerana PPBM gagal meraih sokongan rak-

yat, beliau menasihatkan Dr Mahathir supaya menghentikan sebarang tindakan yang boleh menimbulkan kemarahan orang ramai, apatah lagi mencari jalan menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Sebaliknya, beliau meminta Dr Mahathir menggunakan saki baki usia untuk memperbaiki dan meningkatkan amalan seharian.

Hina kerajaan

Beliau berkata, dakwaan BR1M sebagai wang rasuah adalah satu penghinaan kepada kerajaan dan penerima kerana bantuan itu adalah antara program ke arah menjayakan konsep negara berkeadilan, malah tindakan sama dilakukan Dr Mahathir dalam isu pemberian bantuan wang ihsan khusus kepada rakyat Terengganu.

"Dr Mahathir tidak berhak mengeluarkan fatwa mengenai BR1M kerana beliau bukan orang alim, malah beliau mungkin tidak memahami takrif rasuah. Saya nasihatkan berhentilah mencari jalan menjatuhkan orang dengan membuat tuduhan yang bukan-bukan, lebih baik beramal di hujung hayat yang masih ada.

"Tuduhan Dr Mahathir itu ak-

hirnya akan menimbulkan kebencian rakyat sedangkan beliau tahu siapa sahaja yang makan rasuah sudah tentu masuk neraka sedangkan bantuan itu adalah antara program kebajikan untuk membantu rakyat yang kurang bernasib baik," katanya kepada BH, semalam.

Ahad lalu, Dr Mahathir dilaporkan mendakwa BR1M adalah satu bentuk rasuah yang dengan sendirinya pemberiannya adalah salah di sisi undang-undang atau satu jenayah.

Ikut Malaysia

Sementara itu Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad menegaskan BR1M bukan sogokan atau rasuah, sebaliknya bantuan bagi meringankan beban rakyat yang perlu dilaksanakan kerajaan, sama seperti bantuan kewangan dan subsidi dinikmati petani, nelayan dan pekebun kecil.

Katanya, negara luar termasuk Mesir turut menggunakan pendekatan sama menyalurkan bantuan untuk menjamin kebajikan rakyat.

"BR1M bukan satu sogokan tetapi tanggungjawab kerajaan untuk meringankan beban rakyat, terutama ketika kelembapan ekonomi ketika ini. Saya tidak ber-

hasrat memberikan apa-apa nasihat kepada Dr Mahathir dalam isu ini.

"Saya cuma berharap orang ramai menimbang, menilai atau melihat sesuatu perkara atau isu secara bijaksana, positif dan rasional, jangan terjebak dalam perbalahan yang boleh merugikan kita semua," katanya.

Mohamad Shukri berkata, jika Dr Mahathir tetap bertegas menuduh BR1M adalah rasuah, beliau boleh membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan dakwaan itu disiasat dan diteliti Peguam Negara.

➔ BR1M terbukti ringan beban hidup rakyat - Muka Sepuluh



Muka depan BH semalam